

Program Perjumpaan Ahli Kelab 30 Tan Medan Bertukar Idea dan Pengalaman



Peserta program perjumpaan ahli Kelab 30 Tan bergambar ramai bersama Pengarah Penyelidikan Biologi, Dr Mohd Basri Wahid (lima dari kanan).

KANDUNGAN

- Program Perjumpaan Ahli Kelab 30 Tan: Medan Bertukar Idea dan Pengalaman 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Diari UPPK & PT 4
- Sudut Teknologi - Integrasi Ayam Kampung dalam Sawit 5
- Tahukah Anda 7
- Kuiz Sawit 7
- Berita Bergambar 8-9
- Kenalilah... Reban Ayam Teludak Alih 10
- Profil Komoditi Sawit 11
- Sedutan Akhbar 12
- Sudut Kreatif Sawit 13
- Peladang Jaya 14



Satu program perjumpaan ahli Kelab 30 Tan telah diadakan pada 18 dan 19 Ogos 2003 di Segamat, Johor. Tujuan utama aktiviti ini diadakan adalah untuk mendedahkan mereka kepada teknologi terkini dalam pengurusan sawit. Di samping itu, peserta berpeluang berinteraksi secara langsung sesama ahli dan dengan pegawai-pegawai penyelidik MPOB khususnya dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil.

Seramai 32 ahli kelab terdiri daripada pekebun kecil sawit yang telah berjaya mencapai hasil sawit yang menggalakkan telah menyertai program ini. Pada hari pertama, mereka telah melakukan lawatan sambil belajar ke projek integrasi tanaman dan ternakan di ladang Stesen Penyelidikan MPOB Keratong. Pada sebelah malamnya pula, sesi penerangan dan perbincangan

bersambung di muka surat 2

Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Yusof bin Basiron
Ketua Pengarah MPOB


PENGERUSI
Hj Mamat bin Salleh

TIMBALAN PENERUSI
Dr Mohd Basri bin Wahid

KETUA PENYUNTING
Dr Zin Zawawi bin Hj Zakaria

PENYUNTING
Hj Esnan bin Abd Ghani
Hj Suboh bin Ismail
Ab Aziz bin Md Yusof
Dr Cheah Suan Choo
Dr Norman Kamarudin
Jamil bin Nordin
Hj Adzmi bin Hassan

SETIAUSAHA



DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Kenyataan akhbar Y.B. Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Perusahaan Utama dalam Utusan Malaysia pada 19 Ogos 2003 bahawa Indonesia akan memintas pasaran eksport minyak Malaysia dalam tempoh lima tahun lagi sepatutnya memberi kejutan kepada pengeluar minyak sawit Malaysia termasuk pekebun kecil. Sebagai makluman, jumlah pengeluaran minyak sawit Indonesia telah pun menghampiri pengeluaran Malaysia. Ketinggalan Indonesia dalam eksport minyak sawit adalah semata mata kerana sebahagian besar minyak sawit pengeluaran mereka digunakan sendiri dalam negara. Sebagai pengeksport utama, Malaysia mempunyai kelebihan untuk dirujuk oleh negara-negara luar dan secara tidak langsung, Malaysia juga dapat mempengaruhi mereka supaya membeli minyak sawit negara.

Oleh yang demikian, kita mempunyai masa yang singkat untuk terus menjadi pengeksport utama. Tempoh yang singkat ini masih boleh dipanjangkan sekiranya semua pihak dapat meningkatkan produktiviti masing-masing tanpa peningkatan keluasan kawasan tanaman sawit yang sudah cukup terhad di Malaysia. Dalam perkara ini, semua penanam perlu membandingkan kaedah penanaman dan pengurusan ladang masing-masing dengan amalan pertanian baik dalam pengeluaran sawit.

Kepada pekebun-pekebun yang masih di tahap pengeluaran rendah perlu mempelajari amalan pertanian baik pengeluaran sawit oleh ahli Kelab 30 Tan, ladang stesen penyelidikan MPOB, plot demonstrasi yang dibangunkan oleh MPOB dan juga ladang-ladang swasta.

Pekebun kecil sawit sangat digalakkan mengamalkan integrasi tanaman atau ternakan di ladang sawit sebagai penahan terakhir sekiranya berlaku kejatuhan harga sawit. Integrasi ayam kampung boleh menjadi salah satu pilihan untuk diintegrasikan dalam ladang sawit yang saiznya boleh dibuat mengikut keperluan permintaan pasaran tempatan dan modal yang ada mengikut kemampuan masing-masing.

Para pekebun kecil sebagai individu adalah sama-sama bertanggungjawab dan berperanan menjadikan pengeluaran sawit negara terus kompetitif untuk terus bersaing di pasaran lemak dan minyak dunia demi untuk menjamin kelangsungan industri ini.

sambungan dari muka surat 1

kumpulan mengenai pengurusan rekod ladang telah diadakan di penginapan peserta iaitu di Hotel Seri Pelangi, Segamat.

Pada hari kedua, peserta telah mengikuti ceramah mengenai kegunaan dan kaedah penanaman pokok *Bactris*, kaedah pembajaan dan pengedaran baja sawit MPOB F1 dan penerangan mengenai pemindahan teknologi sawit melalui aktiviti Pusat TUNAS. Turut hadir dalam sesi tersebut adalah pegawai-pegawai daripada agensi pembangunan dan pengembangan di negeri Johor iaitu LPP, FELCRA dan RISDA.

Dr Mohd Basri Wahid, Pengarah Penyelidikan Biologi MPOB semasa menyampaikan ucapan perasmian program kali ini telah mengingatkan mengenai visi Y.B. Menteri Perusahaan Utama untuk mencapai matlamat hasil sawit sebanyak 35 t/ha/thn buah tandan segar (BTS) dan 25% kadar perahan minyak. Matlamat tersebut bukanlah sesuatu yang mustahil kerana ada di antara ahli Kelab 30 Tan sendiri yang pernah mencapai hasil yang lebih tinggi iaitu melebihi

bersambung di muka surat 3


sambungan dari muka surat 2

40 t/ha/thn terutama sawit yang ditanam di kawasan tanah pesisir pantai.

Dalam hubungan ini, bagi meningkatkan produktiviti sawit sektor pekebun kecil, pelbagai usaha dan aktiviti telah dilakukan oleh MPOB. Antaranya adalah mengadakan plot-plot demonstrasi tanaman sawit, mengadakan program Kelompok Baja Terselia, kursus-kursus mengenai penanaman dan penyenggaraan sawit, pengujudan Kelab 30 Tan, penyebaran risalah teknikal sawit dan sebagainya.

Beliau selanjutnya menyatakan bahawa pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan untuk pekebun kecil terutamanya pekebun kecil sawit persendirian memandangkan golongan ini paling kurang mendapat bantuan dan bimbingan dalam bentuk khidmat nasihat serta latihan mengenai teknik pengurusan sawit yang sempurna. Ke arah itu secara khusus, MPOB telah menubuhkan Pusat Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit atau Pusat TUNAS, yang menjadi rangkaian untuk MPOB menyalurkan maklumat, nasihat, tunjuk ajar dan latihan secara langsung kepada pekebun-pekebun kecil sawit. Melalui Pusat TUNAS ini juga para penyelidik dan pegawai pengembangan MPOB dapat bergabung tenaga dan bertindak dengan lebih berkesan untuk memastikan maklumat mengenai teknologi sawit disalurkan dan disampaikan untuk diamalkan oleh pekebun kecil sawit.

Beliau turut mempelawa semua ahli Kelab 30 Tan supaya melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti yang diatur oleh Pusat TUNAS di seluruh negara. Dengan itu, mereka dapat membantu dengan memainkan peranan sebagai pemangkin dalam mendorong pekebun kecil sawit lain di kawasan masing-masing supaya berusaha lebih bersungguh-sungguh, bersemangat dan bermatlamat dalam membangun dan menguruskan kebun



sawit demi mencapai hasil sawit yang lebih tinggi.

Dr Hj Zin Zawawi Zakaria, Ketua Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi MPOB dalam ucapan penutupnya mengambil kesempatan mengingatkan pekebun kecil mengenai keperluan untuk mengurus kewangan dan hasil jualan sawit dengan baik. Sebagai pekebun sawit yang berpengalaman, membuat simpanan yang secukupnya adalah penting bagi menampung kos penyenggaraan ladang dan input pertanian lain seperti baja dan sebagainya bagi memastikan produktiviti ladang sentiasa tinggi walaupun jika terjadi keadaan harga sawit yang kurang memuaskan pada masa hadapan.

Dalam program perjumpaan kali ini, dua ahli kelab telah menyampaikan ucapan dan berkongsi pengalaman membangunkan kebun sawit mereka dengan jayanya. Turut mengambil bahagian ialah syarikat pembekal baja MPOB F1 dan pembekal makanan ternakan serta benih untuk anak ayam kampung. Di akhir program ini, semua peserta telah dibekalkan dengan anak benih pokok *Bactris* untuk ditanam di kebun masing-masing.

Sumbangan: Zulkifli bin Abd Manaf

DIARI UPPK & PT

Mei - Ogos 2003

Kursus Sehari Sawit untuk Agensi Pembangunan dan Pengembangan

Sebanyak 23 Kursus Sehari Sawit telah dijalankan sepanjang bulan Mei hingga Ogos 2003. Kursus telah dijayakan dengan kerjasama agensi-agensi pembangunan dan pengembangan iaitu RISDA, FELCRA, FELDA, PPK, SALCRA dan Jabatan Pertanian. Sejumlah 538 peserta terdiri daripada kakitangan luar agensi berkenaan telah mengikuti modul-modul Kursus Sehari Sawit yang dijalankan.

Kursus Asas Penanaman dan Penyenggaraan Sawit

Sebanyak dua kursus Asas Penanaman dan Penyenggaraan sawit telah dijalankan:

27-28 Mei 2003: Kerjasama RISDA Manjong/ Perak Tengah melibatkan 27 peserta pekebun kecil. Kursus dijalankan di Sekolah Latihan FELCRA Seberang Perak, Perak.

26-29 Ogos 2003: Kerjasama JHEOA Pahang melibatkan 52 peserta terdiri daripada kakitangan dan juruteknik pertanian serta AJK Ladang Berkelompok Orang Asli negeri Pahang. Kursus dijalankan di Institut Pengurusan Peladang Rompin, Kuala Rompin, Pahang.

Sesi Interaksi dan Tunjuk Ajar Nasihat Sawit

Sebanyak 43 sesi interaksi dan tunjuk ajar nasihat sawit telah dijalankan oleh pegawai

TUNAS dengan dihadiri seramai 742 pekebun kecil di seluruh negara. Topik perbincangan adalah berkaitan masalah ladang yang dihadapi bersama:

| Wilayah | Bil. sesi interaksi | Jumlah hadir |
|-----------------|---------------------|--------------|
| Wilayah Utara | 12 | 20 |
| Wilayah Tengah | 8 | 81 |
| Wilayah Selatan | 7 | 12 |
| Wilayah Timur | 5 | 84 |
| Wilayah Sabah | 6 | 13 |
| Wilayah Sarawak | 5 | 12 |
| Jumlah | 43 | 74 |

Lawatan Khidmat Nasihat Ladang

Sebanyak 69 lawatan khidmat nasihat ladang untuk pekebun kecil telah dilakukan oleh pegawai TUNAS seperti berikut:

| Wilayah | Bil. lawatan khidmat |
|-----------------|----------------------|
| Wilayah Utara | 7 |
| Wilayah Tengah | 9 |
| Wilayah Selatan | 40 |
| Wilayah Timur | 4 |
| Wilayah Sabah | 6 |
| Wilayah Sarawak | 3 |
| Jumlah | 69 |

Sumbangan: Zulkifli bin Abd Manaf

SUDUT TEKNOLOGI

INTEGRASI AYAM KAMPUNG DALAM SAWIT

Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara pengeksport daging dan telur ayam. Pengeluaran ayam pedaging dan penelur dalam negara ini sangat intensif. Sebahagian besar sumber makanan untuk ayam yang diternak secara komersial ini adalah diimport. Pada tahun 2001, nilai import makanan ternakan bernilai RM 1.6 bilion. Makanan ayam yang diimport terdiri dari jagung, gandum dan kacang soya. Ayam ini sebenarnya bersaing dengan manusia untuk keperluan bijirin.

Pengeluaran secara intensif juga memerlukan ayam dikurung dalam reban dan sangkar. Untuk mengeluarkan makanan berasaskan protein yang murah untuk manusia, ayam yang diternak berada dalam keadaan sesak dan kurang kebebasan bergerak. Ayam kampung pula sebaliknya menikmati kebebasan bergerak. Biasanya ayam kampung diternak oleh penduduk kampung dengan input yang kecil untuk reban, makanan dan penjagaan kesihatan. Ayam yang diternak biasanya merayau untuk mencari makanan. Konsep menternak ayam kampung dalam sawit dengan kawalan telah terbukti boleh dijalankan dengan jayanya.

Kaedah Menternak

Projek yang dicadangkan ini sesuai untuk pokok sawit berumur lima tahun ke atas. Bersihkan tumbuhan bawahan pokok sawit dan tandakan lokasi untuk membina reban ayam. Rancang kawasan untuk pedok dan bina pagar perimeter dan pagar pedok. Pilih bahan yang kukuh dan murah untuk membina pagar. Net plastik untuk orkid, jaring ikan terpakai dan kawat mata punai didapati sesuai. Atap zink perlu diletakkan di bahagian bawah pagar untuk mengawal kemasukan haiwan musuh.

Ternak ayam secara berkelompok. Mula dengan kelompok 1000 ekor anak ayam berumur

sehari. Masukkan sekelompok ayam setiap bulan dalam kawasan seluas 2 ha. Bina lima buah reban dalam kawasan tersebut. Reban yang dibina hendaklah sama jarak di antara satu dan setiap reban sebaik-baiknya dibina di tengah kawasan seluas 0.4 ha. Sekelompok anak ayam akan ditempatkan dalam setiap reban. Letakkan lapisan habuk kayu setebal 12 cm di atas lantai reban. Bina sebuah perigi untuk membekalkan air jika tiada bekalan air bersih dari sumber lain. Sediakan juga sebuah stor untuk menyimpan makanan dan peralatan.

Beli sebuah alat pengeraman, alat ini boleh digunakan untuk semua reban. Beli lima buah pelita ayam dan 32 buah bekas makanan dan minuman ayam untuk setiap reban. Beli makanan permulaan dan pembesaran ayam mengikut keperluan. Sebaik-baiknya makanan tidak disimpan dalam stor lebih dari dua minggu. Sediakan empat kurungan eraman dalam setiap reban sebelum memasukkan anak ayam. Kurungan eraman boleh dibuat dari kayu lapis yang paling nipis dengan ketinggian 60 cm dan garis pusat 1.5 m. Letakkan alat pengeraman, pelita ayam, lapin buah bekas minuman dan makanan dalam kurungan eraman.

Beli anak ayam berkualiti daripada pembekal yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Anak ayam yang dibeli haruslah telah disuntik dengan pelalian penyakit Marek's. Letakkan dua hingga tiga helai kertas pada lantai kurungan eraman sebelum memasukkan anak ayam. Pastikan juga alat pengeraman, pelita ayam, air dan makanan telah sedia sehari sebelum memasukkan anak ayam.

Letakkan anak ayam yang baru tiba dalam kurungan eraman. Biarkan anak ayam tersebut rehat selama lebih kurang 1 jam sebelum memberi air minuman yang dicampurkan dengan vitamin *anti-stress*. Apabila anak ayam telah mula minum, dalam masa 1 jam masukkan makanan yang telah dilembapkan dengan air. Jangan letak terlalu banyak makanan dalam bekas untuk mengelakkan pembaziran. Pastikan air yang bersih dan makanan yang masih elok sentiasa berada dalam bekas. Pasangkan alat pengeraman untuk menyediakan suhu yang nyaman dan jika anak ayam tiba pada waktu malam pasangkan pelita. Ikut aturan vaksinasi yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Sentiasa perhatikan keadaan anak ayam, buang ayam yang mati dan asingkan yang lemah dari kumpulan. Tanggalkan kurungan eraman apabila anak ayam telah berumur lima hingga tujuh hari. Pelihara anak ayam dalam reban sehingga 10 hingga 12

bersambung di muka surat 6

sambungan dari muka surat 5

hari. Lepaskan ayam ke dalam pedok setelah berumur 10 hingga 12 hari pada waktu siang dan kurung dalam reban pada waktu malam. Tuai dan jual ayam yang telah matang apabila berumur 13 hingga 15 minggu atau mencapai berat hidup 1.5 kg hingga 2.0 kg.

Daripada pemerhatian, didapati untuk kawasan sawit matang seluas 0.4 ha dengan kadar stok ayam 1000 ekor, tumbuhan bawahan boleh dikawal dengan baik. Ini bermakna yang ayam boleh mengawal rumpai tanpa menggunakan racun.

Kebaikan

- Mengawal rumpai secara biologi;
- Ayam menggantikan buruh untuk merumpai;
- Tinja ayam merupakan sumber baja organik yang baik; dan
- Ayam boleh menjimatkan 100% kos merumpai.

Analisis Ekonomi

Nilai modal sebanyak RM 96 000 adalah diperlukan untuk memulakan model 1000 ekor anak ayam dalam satu kumpulan dan satu kumpulan dimasukkan dalam reban pada setiap bulan. Ayam ditanam selama 13 hingga 15 minggu

dan dijual dengan nilai RM 4 hingga RM 5/kg berat hidup harga di ladang. Berat ayam yang dijual ialah antara 1.5 kg hingga 2 kg. Tempoh pulang balik modal untuk model ini ialah enam tahun. Kadar pulangan dalaman pula ialah 10% dan nilai bersih semasa pada kadar diskaun 10% ialah RM 1025. Nisbah keberuntungan kos ialah 1.08 pada kadar diskaun yang sama. Setelah memasukkan dua kumpulan dalam pedok yang sama, ayam didapati menjimatkan 100% kos merumpai.

Pasaran

Ayam kampung mempunyai pasaran tersendiri. Walau bagaimanapun, harga ayam yang hendak dijual dipengaruhi oleh harga ayam pedaging. Harga ayam kampung hidup di ladang ialah antara RM 3.50 hingga RM 5/kg. Harga ayam kampung yang telah disembelih dan dibersihkan ialah antara RM 4.50 hingga RM 7/kg. Permintaan kepada ayam kampung bergantung pada lokasi. Adalah amat penting untuk memastikan ayam boleh dijual dengan harga yang baik sebelum memulakan projek. Salah satu cara yang boleh memastikan pasaran ialah melalui kaedah kontrak di mana kontraktor memastikan bekalan anak ayam dan memasarkan ayam yang telah cukup tempoh untuk jualan.



◀ Anak ayam dalam kurungan eraman selama lima hingga tujuh hari.

Ayam berada dalam reban selama 10-12 hari ▶



◀ Ayam sedia untuk dijual.



BAHAN ORGANIK MENINGKATKAN PENGAMBILAN UNSUR FOSFORUS OLEH SAWIT

Pengambilan unsur fosforus (P) oleh pokok sawit dapat ditingkatkan dengan menggabungkan bahan organik seperti tandan buah kosong, sisa batang sawit semasa tanam semula dan reputan kecacang penutup bumi dengan baja fosfat. Penggunaan bahan organik juga boleh membaiki pH dan kelembapan tanah serta meningkatkan kebolehdapatan unsur fosforus di dalam tanah.

Perelaian dan agihan pelbagai fraksi fosforus dalam tanah dipengaruhi oleh pembubuhan baja fosfat tanpa atau bersama bahan organik. Pembubuhan baja fosfat bersama bahan organik (tandan buah kosong) meningkatkan jumlah fosforus terlarut berbanding pembubuhan baja fosfat tanpa bahan organik. Ini berlaku kerana bertambahnya saiz dan tempat pengumpulan kalsium (Ca) dan fosforus. Larutan asid organik yang terhasil kesan daripada transformasi mikrob dan kimia bahan organik semasa proses perelaian membentuk kompleks dengan aluminium (Al) dan besi (Fe) yang telah terikat dengan fosforus, di mana akhirnya fosforus yang terikat ini dibebaskan bagi pengambilan oleh pokok dan mekanisme inilah yang menyebabkan peningkatan kebolehdapatan unsur fosforus.

Sebagai contoh, satu percubaan projek tanam semula di Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, Johor, menunjukkan plot yang mengandungi bahan organik yang terdiri daripada sisa bahan

sawit, mengurangkan fosforus yang terikat pada tanah sebanyak 45%-50% berbanding plot kawalan yang tidak dibekalkan dengan sisa bahan sawit. Ini berdasarkan keputusan analisis kandungan fosforus dalam tanah sebelum projek bermula dan selepas tiga tahun projek berjalan, adalah masing-masing sebanyak 58 kg P/ha dan 28 kg P/ha. Semasa percubaan ini dijalankan, kedua-dua plot tersebut tidak dibekalkan dengan baja fosfat. Oleh itu, dalam jangka panjang, pembubuhan bahan organik memainkan peranan penting dalam kitaran semula fosforus.

Daripada percubaan ini, dapat disimpulkan seperti berikut:

- mengitar semula bahan organik seperti tandan buah kosong, pelepah dan sisa batang sawit semasa tanam semula meningkatkan kebolehdapatan unsur fosforus dalam tanah dan seterusnya pengambilan oleh pokok sawit bagi mencapai hasil sawit yang tinggi; dan
- menambah tandan buah kosong pada kadar 25 t/ha/thn dan baja fosfat pada kadar 3 kg/pk/thn untuk meningkatkan pengambilan unsur fosforus.

Sumbangan: Zulkifli bin Hashim dan Idris bin Omar

??????? **Kuiz Sawit** ????????

1. Berapakah harga runcit baja MPOB F1 satu beg (50 kg)?
2. Di manakah terletak bank genetik sawit terbesar di dunia?
3. Berapakah bayaran insentif sehektar di bawah Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS) kali kedua yang dibayar oleh MPOB?
4. Berapa lamakah jangka masa Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS) yang kedua berkuatkuasa?

Jawapan di muka surat 10

Berita Bergambar



Pegawai Pelesenan dan Penguatkuasaan MPOB membuat penakalan benih sawit semasa Kursus Penilaian Tapak Semaian pada 24-26 Jun 2003.

Pelancaran Skim Kelompok Baja Terselia peringkat kebangsaan oleh Y.B. Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik pada 18 Ogos 2003.



Program perjumpaan Kelab 30 Tan telah dirasmikan oleh Dr Mohd Basri Wahid, Pengarah Penyelidikan Biologi pada 19 Ogos 2003.

**Pegawai Bahagian
Biologi MPOB
menjalankan
kursus sawit
dengan kerjasama
JHEOA negeri
Pahang pada
26-29 Ogos 2003.**



**MALIS PERASMIAN PENYUJUK DAN PENYAMPAIAN SIJIL
KURSUS PEMINDAHAN TEKNOLOGI SAWIT
JHEOA PAHANG DENGAN KERJASAMA MPOB MALAYSIA
PADA 29 OGOS 2003
KETUA PENGARAH JHEOA MALAYSIA
OLEH
YBEG EN MOHAMMAD IZAT BIN HASSAN**



**Amali di ladang sawit
dikendalikan oleh
pegawai MPOB
bersama peserta
kursus yang terdiri
daripada orang asli
negeri Pahang.**

**Sesi interaksi
tunjuk ajar sawit
bagi program
TUNAS melibatkan
10-15 pekebun
kecil memberi
penerangan secara
terperinci mengenai
sesuatu topik
khusus, misalnya
pemilihan benih
sawit.**



KENALILAH...

Reban Ayam Mudah Alih



| | |
|-----------------|--|
| Kos | : RM 13 500 sebuah |
| Saiz reban | : 4.5 m lebar x 18 m panjang |
| Bahan asas | : Besi, skru, jaring dawai dan atap zink |
| Kapasiti | : 1000 ekor setiap masa |
| Ketahanan reban | : 5-7 tahun |

Kebaikan:

- reban boleh dibuka dan dipindah kecuali lantai simen;
- mudah dipasang dan dibuka tanpa kemahiran bertukang;
- penggunaan jaring memberi pengudaraan yang cukup dan ayam mudah dilihat;
- penggunaan reban mudah alih membolehkan pertukaran pedok bagi tujuan kawalan rumpai; dan
- taburan bahan organik (najis ayam) yang sekata.

Sumbangan: Rosli bin Awaludin

JAWAPAN KUIZ SAWIT

1. Baja MPOB F1 dijual dengan harga runcit sebanyak RM 36/ beg.
2. Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, Johor.
3. RM 500/ha
4. 1 Mei 2003 sehingga 30 April 2004.

Sumbangan: Basri bin Bakar

PENGUMUMAN

Berikut adalah tambahan senarai pengedar/penjual baja MPOB F1 yang baru dilantik. Ia merupakan sambungan daripada senarai pengedar yang terdapat di dalam *Peladang Sawit Bil. 23/2003*. Kini baja MPOB F1 boleh didapati di negeri Sabah.

1. Sikun Jaya Enterprise
Bt.14 ½, Jln Kluang, Batu Pahat, Johor
Tel: 07-4541727
2. Leely Constructions & Enterprise
Kg. Parit Sonto, Air Hitam, Johor
Tel: 07-7581453
3. Air Tawar Generation Bhd
Felda Air Tawar Satu, Kota Tinggi, Johor
Tel: 07-8952704
4. PPK Muar Dalam, Muar, Johor
Tel: 06-9856206
5. Koperasi Pekebun Kecil Batu Pahat, Johor
Tel: 07-4558144
6. Lian Yik Peralatan Pertanian Sdn Bhd, Muar, Johor
Tel: 06-9510496
7. PPK Jempol, Negeri Sembilan
Tel: 06-4981244
8. PPK Rompin/Jelai, Kg. Baru, Rompin, Negeri Sembilan
Tel: 06-4577122
9. Chop Eng Seng, Sg. Pelek, Selangor
Tel: 03-31411214
10. Sin Ho Seng, Tg. Sepat, Selangor
Tel: 013-3525106
11. Erra Daya, Felda Sungai Tengi, Kuala Kubu, Selangor
Tel: 03-55117812
12. Sin Teong Hing Sdn Bhd
Jalan Tun H.S. Lee, Kuala Lumpur
Tel: 03-20782210
13. Mofadz Enterprise, Bota, Perak
Tel: 05-3761863
14. PPK Bota, Perak
Tel: 05-3761117
15. PPK Manjong, Perak
Tel: 05-6881894
16. PPK Kinta Selatan, Batu Gajah, Perak
Tel: 05-3668676
17. Koperasi RTBK, Pondok Tanjong, Taiping, Perak
Tel: 05-8395855
18. Tong Seng Hang, Taiping, Perak
Tel: 019-5775525
19. Tan Chin Pok, Triang, Pahang
Tel: 018-2935942
20. Abu Hassan Mat Yasin, Jerantut, Pahang
Tel: 018-2925714
21. Chop Hock Guan, Kerayong, Pahang
Tel: 019-9886906
22. Sykt Tras Usaha Sama, Kuala Rompin, Pahang
Tel: 09-4132698
23. Syukur Maju Enterprise
Felda Kerteh 6, Dungun, Terengganu
Tel: 09-8200422
24. Sykt Dinasti Sam, Lahad Datu, Sabah
Tel: 089-883588

PROFIL KOMODITI

(Januari - Jun 2003)

Sepanjang tempoh enam bulan pertama tahun ini, prestasi industri sawit Malaysia terus bertambah baik berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Jumlah pengeluaran, eksport dan paras harga terus meningkat. Pada masa yang sama, paras stok bagi tempoh tersebut telah berkurangan dengan banyak. Pendapatan pekebun kecil terus bertambah hasil daripada peningkatan harga buah sawit yang ketara.

Pengeluaran minyak sawit mentah bagi setengah tahun pertama (2003) meningkat 14.3% kepada 6.09 juta tan berbanding 5.33 juta tan tahun sebelumnya. Peningkatan pengeluaran ini sejajar dengan pertambahan keluasan tanaman matang di samping pertambahan hasil buah sawit sehektar kesan dari cuaca yang elok dan penggunaan baja secukupnya dalam tempoh tersebut. Hasil buah sawit sehektar telah meningkat 7.7% dari 8.17 t/ha kepada 8.80 t/ha bagi tempoh tersebut. Pertambahan penggunaan baja adalah ekoran daripada peningkatan harga buah sawit dalam tempoh tersebut dan berlarutan sampai sekarang. Kesedaran menuai buah yang cukup masak telah berjaya mempertahankan kadar perahan minyak (OER) di paras yang baik dan menyumbang kepada pertambahan pengeluaran.

Jumlah stok minyak sawit pada akhir Jun 2003 telah berjaya dikurangkan sebanyak 10.8% ke paras 0.99 juta tan berbanding 1.11 juta tan pada awal tahun ini kesan dari peningkatan eksport. Pengurangan paras stok ini telah menyumbang kepada kekukuhan harga minyak sawit.

Ekoran dari permintaan yang tinggi, jumlah eksport minyak sawit Malaysia telah meningkat. Eksport kesemua produk sawit meningkat 11.2% kepada 7.73 juta tan berbanding 6.95 juta tan bagi tempoh yang sama tahun lalu. Dengan harga yang meningkat, pendapatan dari nilai eksport juga bertambah 45.1% kepada RM 12.1 bilion berbanding RM 8.3 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu. Sebanyak 140 negara telah

mengimport minyak sawit dari Malaysia. Pengimport utama bagi tempoh ini ialah China (1.04 juta tan, 18.5%), India (0.88 juta tan, 15.6%), Kesatuan Eropah (0.72 juta tan, 12.9%), Pakistan (0.53 juta tan, 9.4%), Mesir (0.24 juta tan, 4.2%) dan Jepun (0.22 juta tan, 3.9%).

Kekukuhan harga minyak sawit selain disebabkan oleh permintaan eksport yang tinggi dan kedudukan paras stok yang rendah, juga disokong oleh sentimen-sentimen positif di pasaran dunia dalam tempoh tersebut. Harga minyak sawit mentah bagi tempoh Januari-Jun 2003 meningkat RM 289 atau 23.5% ke paras RM 1519.50 setan berbanding RM 1230 setan bagi tempoh yang sama tahun lepas. Harga tertinggi diperoleh pada bulan Januari dengan purata RM 1652.50. Manakala purata harga buah sawit di pintu kilang di Semenanjung Malaysia meningkat kepada RM 282.20 setan berbanding RM 220.43 setan tempoh yang sama tahun lalu, iaitu peningkatan sebanyak RM 61.77 setan. Di Sabah dan Sarawak, harga buah sawit juga meningkat masing-masing kepada RM 291.40 setan dan RM 265.77 setan berbanding RM 218.82 dan RM 199.95 setan yang diperoleh tahun lalu.

Bagi setengah tahun kedua 2003, prestasi industri minyak sawit dijangka akan terus memberangsangkan. Pengeluaran dijangka akan terus bertambah selari dengan arah aliran memuncak yang biasanya berlaku pada bulan Ogos-Oktober. Dengan bekalan yang meningkat, jumlah eksport juga diramal akan bertambah. Permintaan minyak sawit dijangka akan terus meningkat kesan dari harga minyak sawit yang lebih kompetitif berbanding dengan minyak sayuran utama yang lain. Di samping itu, permintaan dari pasaran utama India dan negara-negara Arab akan meningkat bagi memenuhi keperluan di musim Ramadhan dan perayaan Deepavali. Justeru itu, harga minyak dan buah sawit dijangka akan stabil bagi tempoh tersebut.

PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA (JANUARI - JUN 2002/ 2003)

| | 2002 | 2003 | Beza |
|----------------------------------|----------|----------|--------|
| Stok awal (juta tan) | 1.21 | 1.11 | - 0.10 |
| Pengeluaran (juta tan) | 5.33 | 6.09 | + 0.76 |
| Eksport minyak sawit (juta tan) | 5.10 | 5.63 | + 0.53 |
| Eksport produk sawit (juta tan) | 6.95 | 7.73 | + 0.78 |
| Eksport minyak sawit (RM bilion) | 6.26 | 9.10 | + 2.84 |
| Eksport produk sawit (RM bilion) | 8.34 | 12.10 | + 3.76 |
| Stok akhir (juta tan) | 0.91 | 0.99 | + 0.10 |
| Harga MSM (RM/t) | 1 230.50 | 1 519.50 | 289.00 |
| Harga isirung sawit (RM/t) | 606.00 | 715.50 | 109.50 |
| Harga BTS - Semenanjung (RM/t) | 220.43 | 282.20 | +61.77 |
| Harga BTS - Sabah (RM/t) | 218.82 | 291.40 | +72.58 |
| Harga BTS - Sarawak (RM/t) | 199.95 | 265.77 | +65.82 |
| Hasil BTS (t/ha) | 8.17 | 8.80 | +0.63 |
| Kadar perahan minyak (OER) | 19.78 | 19.60 | -0.18 |

Sumbangan: Hj Mohd Azmi bin Ismail

SEDUTAN AKHBAR

MINYAK SAWIT: INDONESIA BAKAL PINTAS MALAYSIA

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Perusahaan Utama semasa pelancaran Skim Kelompok Baja Terselia peringkat kebangsaan di Melaka, menjelaskan bahawa Malaysia menghadapi persaingan dalam pasaran eksport minyak sawit dari Indonesia dan akan dipintas oleh negara tersebut sebagai negara pengeluar dan pengeksport minyak sawit dalam tempoh lima tahun.

Keadaan ini berlaku kerana pengeluaran rendah minyak sawit yang dihadapi oleh pekebun kecil yang menyumbang sebanyak 40% keluaran minyak sawit negara. Oleh itu, semua pihak perlu menekankan peningkatan produktiviti menerusi amalan agronomi untuk menghasilkan tahap pengeluaran minyak sawit dan kadar perahan minyak (OER) yang tinggi.

Masalah utama yang dihadapi oleh pekebun kecil ialah kos pengeluaran yang tinggi serta pengeluaran yang rendah berbanding kos rendah tetapi pengeluaran tinggi yang dihasilkan di Indonesia.

Utusan Malaysia, 19 Ogos 2003

INDUSTRI PULPA DARIPADA SISA SAWIT BERPOTENSI

Penubuhan kilang pulpa bagi memproses sisa sawit boleh membantu meningkatkan daya saing komoditi sawit. Ketika ini, sebanyak 370 kilang memproses sawit yang menghasilkan 30 juta tan sisa tandan kosong yang boleh dijadikan bahan mentah industri pulpa. Ini adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan pembangunan sehingga 50 ke 100 industri pulpa. Selain industri pulpa, industri kitar semula tandan sawit kosong juga dijangka mampu mewujudkan di antara 10 dan 15 kilang kertas.

Sebuah kilang di Kunak, Sabah akan memulakan operasi pertama mengitar semula 25 000 t tandan sawit kosong setahun menjadi pulpa. Jika sebelum ini, pengusaha bergantung pada kayu sebagai sumber asas menghasilkan pulpa, kini pulpa boleh dikeluarkan dengan menggunakan tandan sawit kosong. Menerusi teknologi terkini, usaha kitar semula bahan buangan daripada tandan sawit kosong untuk menghasilkan pulpa dapat dilaksanakan dengan kos yang rendah.

Industri ini perlu diusahakan secara bersungguh-sungguh kerana bahan asasnya sudah tersedia dan perlu dioptimumkan penggunaannya. Kita perlu kreatif mencari jalan terbaik mempelbagaikan sumber sedia ada.

Berita Harian, 24 Jun 2003

KENG YAIK BIDAS FELDA, RISDA, FELCRA

FELDA, RISDA dan FELCRA dibidas kerana gagal menyebarkan pengetahuan dan tunjuk ajar mengenai teknologi baru kepada pekebun kecil sawit sehingga menjejaskan produktiviti dan daya saing sektor berkenaan. Ini terbukti apabila hasil pengeluaran kurang 3 t minyak sawit sehektar setahun oleh pekebun kecil berbanding 5 t bagi sektor ladang. Kegagalan memberi tunjuk ajar dari segi teknologi baru, klon baru, amalan agronomi dan kaedah menuai buah sawit kepada pekebun kecil menyebabkan mereka tidak dapat mencapai tahap pengeluaran tinggi.

Seandainya sektor ladang boleh menghasilkan minyak sawit 5 t/ha/thn, tiada sebab pekebun kecil yang ketika ini menyumbangkan kira-kira 45% hasil minyak sawit negara tidak dapat berbuat demikian. Sektor ladang dan pekebun kecil mempunyai cuaca dan tanah yang sama tetapi berbeza dari segi produktiviti. Di sinilah pentingnya fungsi agensi daripada segi tanam semula, penggunaan klon dan penuaian buah sawit. Dengan menanam semula menggunakan klon baru, akan dapat menghasilkan lebih 5 t minyak sawit sehektar setahun dan terus bersaing di pasaran antarabangsa dan kekal sebagai pengeluar utama dunia.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik menegaskan Kementeriannya dan MPOB akan memantau perkembangan pengeluaran minyak sawit sektor pekebun kecil dan berharap agensi berkaitan memberi tumpuan kepada perkara itu.

Berita Harian, 26 Ogos 2003



Ayam Golek Sawit Istimewa

1 ekor ayam (jangan potong)

Bahan untuk dimesin

- 15 tangkai cili kering
- 2 tangkai cili hijau
- 9 biji bawang kecil
- 1 sudu besar ketumbar
- 1 sudu besar jintan putih
- 1 sudu besar jintan manis
- 7 biji badam
- 3 biji buah keras
- 6 batang serai
- 2.54 cm lengkuas
- 1.30 cm kunyit hidup

Bahan untuk dimayang halus

- 5 ulas bawang putih
- 2.45 cm halia
- 1 sudu kecil rempah kerutub
- ½ gelas santan
- 1 gelas air
- Garam
- Gula
- 2 keping asam keping
- Bawang goreng
- Minyak sawit



Cara membuatnya

1. Lumurkan ayam dengan garam dan gorengkan hingga garing.
2. Angkat ayam yang telah digoreng dan toskan.
3. Panaskan minyak dan tumiskan bawang putih serta halia.
4. Bila bangkit bau, masukkan semua bahan yang dimesin dan goreng hingga garing.
5. Apabila sudah garing masukkan air, santan, rempah kerutub, asam keping, garam, gula dan biarkan hingga mendidih.
6. Apabila kuah sudah pekat, terus tuangkan atas ayam.
7. Taburkan bawang goreng atas ayam.
8. Hidang dan hiaskan mengikut selera masing-masing.



PELADANG JAYA

'Berakit-rakit ke Hulu, berenang-renang ke tepian' - Pak Hamid Peladang Sawit Jaya



Pak Hamid bergambar di sisi kediaman beliau.

En Hamid bin Sharif atau lebih senang dipanggil Pak Hamid dilahirkan pada tahun 1931. Anak jati Rembau ini dahulunya adalah pegawai hutan di Negeri Sembilan tapi nekad bersara pilihan pada usia 50 tahun kerana ingin menceburi bidang tanaman sawit sepenuh masa. Pada masa itu, rakan-rakan sekerja Pak Hamid meragui tindakannya itu.

Sejarah pembabitan beliau bermula dari pembelian kebun getah pekebun Cina seluas 8 ha di Mukim Ulu Lenggong, Rembau pada penghujung tahun 1950-an. Kebun getah yang telah mengeluarkan hasil itu dibeli oleh Pak Hamid dengan harga RM 20 000 dengan wang hasil simpanan semasa bekerja dan sedikit pinjaman. Walaupun lokasi kebun itu jauh di pedalaman dan kekurangan infrastruktur seperti jalan raya, elektrik dan bekalan air, tetapi beliau nekad kerana berpegang kepada pesan arwah ayahnya, kesusahan dahulu akan mendatangkan kesenangan di kemudian hari. Berbekalkan sikap sabar, tekun dan minat, Pak Hamid bertekad menggantikan kebun getahnya dengan sawit.

Tanahnya dikelilingi hutan, anak bukit dan lembah. Pak Hamid memulakan usaha tanaman

sawitnya pada tahun 1978. Kebunnya layak untuk menerima bantuan benih daripada agensi kerajaan. Bagaimanapun, beliau membuat keputusan untuk berdikari dengan mendapatkan anak benih sawit terus dari Guthrie Hutan Melintang, Perak. Apa yang boleh dijadikan teladan pada diri Pak Hamid ialah kata-kata beliau, "kenapa kita sentiasa mengharapkan bantuan kerajaan sekalipun kita mampu, kerana sikap sedemikian akan menjadikan kita susah untuk berdikari dan kita takkan ada sikap berjimat cermat, ini kerana dalam Islam pun dititikberatkan amalan berjimat".

Oleh kerana beliau masih berkhidmat dalam jabatan kerajaan pada masa itu, maka beliau telah mengupah kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan serta membina pagar keliling. Kepadatan tanaman sawitnya adalah 148 pk/ha. Kos pembangunan tanah hanya melibatkan RM 20 000. Beliau hanya perlu membayar separuh dari kos tersebut kerana selebihnya ditanggung oleh hasil jualan kayu getah. Kebun Pak Hamid terletak di kawasan pedalaman yang ada kalanya kekurangan air. Bagi memastikan kebun sawit sentiasa lembap, beliau telah membina rumah pam untuk menyedut air sedalam 60 m daripada dasar bumi di tengah kebun dengan kos RM 5000.

Setelah sawit mula mengeluarkan hasil, maka beliau mengambil keputusan untuk bersara terus dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada kebun sawit. Apabila luas kawasan semakin bertambah iaitu setelah beliau membeli kebun seluas 2 ha lagi, beliau telah mengupah seorang mandur untuk menyelia kebun di samping lapan pekerja. Upah memetik buah oleh pekerja asing ialah RM 35/t. Bagi memastikan buah sawit dihantar ke kilang pada hari yang sama, beliau sanggup membayar insentif RM 7 bagi satu trip lori.

Jenis baja yang digunakan ialah baja sebatian NPK *Blue Special* (12:12:17:2 + TE) yang ditabur setiap tiga bulan dengan kadar 5 kg/pk/thn. Pak Hamid pernah mendapat maklumat dan khidmat nasihat dari Jabatan Pertanian mengenai pendebungaan sawit melalui kumbang *Elaidobius kamerunicus*. Sikap ingin berjaya telah mendorong Pak Hamid sentiasa bertanya dan mendapat khidmat nasihat secara tidak formal daripada pengurus estet Guthrie yang berdekatan. Jadi tidak hairanlah jika kebunnya itu boleh mengeluarkan hasil sebanyak 34.28 t/ha/thn. Beliau memberitahu jika ingin hasil yang terbaik, cuma tiga perkara utama yang harus dititikberatkan iaitu penggunaan benih sawit DxP tulen, pokok perlu

dibaja secukup dan pada waktunya iaitu sebaik-baiknya selepas hujan dan semasa memetik hasil pastikan pelepah sawit tidak dibuang berlebihan.

Mengawal aktiviti penuaian buah sawit adalah perkara yang amat dititikberatkan. Pembeli buah sawit cukup berpuas hati kerana Pak Hamid sentiasa berpesan agar tidak bertolak ansur dengan buah yang tidak masak atau buah muda. Oleh kerana beliau mempunyai pasukan kerja yang bagus, Pak Hamid juga telah diberi kepercayaan oleh Koperasi PPK Astana Raja untuk memajak kebun seluas 40 ha milik koperasi tersebut.

Pengalaman dan kejayaan Pak Hamid harus dijadikan contoh kepada pekebun-pekebun kecil sawit lain terutama yang lebih muda daripada beliau. Isteri beliau, Pn. Hj. Raftah bt Alias seorang suri rumah adalah pendorong utama kejayaan beliau. Enam orang anak beliau telah berjaya dalam bidang masing-masing. Anak sulung beliau menjadi salah seorang pengarah syarikat yang terbabit dalam bidang sawit iaitu MICOM Holdings Sdn. Bhd. Anak kedua membantu beliau dalam kerja-kerja perakaunan. Anak-anak beliau yang lain merupakan lulusan luar negara yang

berjaya dalam profesion masing-masing seperti akauntan, juru analisis sistem dan jururawat. Perancangan yang teratur, sikap berjimat cermat dan berdisiplin adalah kunci utama kejayaannya dalam membesar dan mendidik anak-anak dengan sempurna.

Pak Hamid yang ditemui semasa program perjumpaan ahli Kelab 30 Tan di Segamat baru-baru ini turut mengucapkan terima kasih kepada pihak MPOB kerana mengambil berat masalah pekebun kecil melalui khidmat Pusat TUNAS. "Kunjungan pegawai TUNAS ke kebun sawit saya baru-baru ini sungguh menggembirakan. Khidmat Pusat TUNAS sudah tentu merupakan khabar gembira khususnya buat kami pekebun kecil sawit persendirian di seluruh negara", ujar beliau lagi. Falsafah hidup beliau, "di mana ada kemahuan di situ ada jalan, kejayaan yang diperoleh tidak dapat dikecapi selagi kita tidak berusaha, segalanya kurniaan Ilahi".

Sumbangan: Zulkifli bin Abd Manaf dan Mohd Fauzi bin Mohd Yusoff



Pak Hamid memerhatikan pekerja menuai buah tandan segar (BTS) di kebun.

sambungan dari muka surat 6

Kesimpulan

Dalam kawasan sawit matang, ayam kampung boleh digunakan sebagai agen merumpai yang berkesan. Kawalan keselamatan dan pagar yang mencukupi adalah penting untuk menjamin ayam tidak hilang. Ayam memerlukan penjagaan sepenuh masa. Oleh itu, pekerja sepenuh masa adalah diperlukan. Seorang pekerja sepenuh masa boleh menguruskan 5000 ekor ayam setiap masa. Integrasi ayam kampung dengan sawit telah terbukti berjaya secara teknikal, daya maju ekonominya pula bergantung pada harga dan permintaan yang dipengaruhi oleh lokasi penternakan dan masa menjual.

Integrasi ayam kampung dalam sawit boleh digunakan untuk pengurusan perosak yang bersepadu bagi kawalan rumpai. Ini adalah satu pelaburan yang menguntungkan. Dengan beberapa perubahan kepada amalan agronomi ladang sawit dan dengan menggunakan pendekatan yang menyeluruh, kesan saling membantu antara ayam kampung dengan sawit boleh memaksimumkan penggunaan tanah.

Sumbangan: Rosli bin Awaludin

CABUTAN BERTUAH PEKEBUN KECIL SAWIT

Adakah anda memiliki lesen sah pekebun kecil?

Anda berpeluang memenangi

HADIAH PERDANA

Sebuah Modenas KRISS II bagi pemenang bertuah Tahun 2003



Cabutan akan dibuat pada awal Januari 2004.

Semua Pekebun Kecil Sawit yang mempunyai lesen sah adalah layak dalam cabutan Perdana



**JANGAN LUPA
CABUTAN SUKU TAHUN!
JANUARI • APRIL • JULAI • OKTOBER**



HADIAH UTAMA • TV 25" (Flat Screen)

HADIAH KEDUA • TV 21" (Flat Screen)

SAGUHATI PERTAMA & KEDUA • Pemain cakera DVD

Hadiah-hadiah di atas menanti pemenang setiap 3 bulan sekali iaitu pada Januari, April, Julai dan Oktober. Semua Pekebun Kecil Sawit yang telah membaharui dan membuat permohonan lesen dalam tempoh 3 bulan sebelum cabutan adalah layak dalam cabutan ini.



MPOB LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA